

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERHIMPUNAN HARI BELIA NEGARA

TEMPAT: STADIUM JALAN RAJA MUDA

TARIKH: 15 MAY 1984

MASA:

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama di upacara yang begitu bermakna kepada belia negara ini. Saya mengucapkan terima kasih dan merakamkan penghargaan kepada Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana sudi mengundang saya untuk merasmikan Hari Belia Negara 1984 ini.

2. Saya perhatikan bahawa Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengekalkan tema perayaan Hari dan Minggu Belia tahun lepas iaitu "BELIA BERDISIPLIN NEGARA PROGRESIF". Pengulangan tema ini adalah wajar kerana kebahagiaan belia serta peranannya sebagai golongan pelapis yang menyakinkan, bergantung kepada disiplin. Tanpa disiplin tenaga belia tidak dapat dipadukan. Tenaga yang tidak dipadukan tidak mungkin menggerakkan negara ke arah kemajuan.

3. Statistik menunjukkan bahawa 76% penduduk di negara kita ini adalah di bawah umur 35 tahun. Terdapat lebih kurang 4.6 juta belia yang berumur di antara 15 hingga 34 tahun. Dari ini adalah jelas belia merupakan sebahagian besar penduduk di negara ini, dan tenaga belia menjadi sumber yang penting bagi pembangunan negara. Lebih berdisiplin belia, lebih mudah mereka dilatih, dan lebih tinggi lagi nilai sumbangan yang boleh diberi oleh mereka kepada negara. Oleh kerana inilah maka kita sering mendengar slogan seperti "Belia Harapan Bangsa", "Belia Tunggak Negara", "Belia Hari Ini Pemimpin Hari Esok", "Belia Erat Negara Aman", "Belia Bersatu Negara Maju" dan lain-lain lagi.

4. Memandang kepada hakikat inilah maka Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada aspirasi golongan muda, dan berusaha melengkapkan mereka dengan segala pengetahuan dan kecekapan yang diperlukan oleh mereka. Insya-Allah, apabila sampai giliran bagi belia mengambil alih tempat orang dewasa, negara tidak perlu khuatir kerana mereka layak dan mampu membangunkan negara dengan lebih pesat lagi.

5. Kerajaan mengalu-alukan sumbangan yang diberi oleh belia kepada pembangunan negara dan kebajikan masyarakat. Melalui persatuan-persatuan belia dan badan-badan kebajikan, secara langsung dan tidak langsung, belia telah berjaya

membantu Kerajaan dalam berbagai bidang pembangunan. Di samping itu melalui aktiviti sukan, belia bukan sahaja memelihara kesihatan badan, tetapi kejayaan mereka dalam berbagai pertandingan telah meningkatkan imej negara.

6. Walaupun demikian, kita tidak boleh berpuas hati kerana belia serta negara masih menghadapi bermacam-macam masalah. Di antaranya ialah merebaknya penyalah-gunaan dadah di kalangan belia. Mereka yang terlibat menjadi beban bukan sahaja kepada keluarga mereka tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Jika tidak dihentikan dengan cepat, penyalah-gunaan dadah ini akan membawa maut sebelum belia itu mengenal hidup dewasa.

7. Dadah adalah satu malapetaka yang perlu diperangi oleh belia secara habis-habisan. Jika tidak, mungkin tidak akan ada pengganti kepada orang dewasa yang ada sekarang. Tidak akan ada kepala keluarga apabila ayah dan ibu meninggal. Tidak akan ada pengganti kepada anggota masyarakat yang ada sekarang. Dan akhirnya akan tamatlah riwayat bangsa.

8. Belia yang insaf dan bertanggungjawab tidak boleh membenarkan malapetaka dadah ini menimpa masyarakat kita. Tindakan yang positif mesti diambil. Lebihkan kegiatan persatuan supaya minat kepada persatuan serta aktivitinya menyekat muda-mudi dari terceburlah dengan jenayah dadah. Dekatkan diri dengan ibu-bapa dan keluarga ahli persatuan supaya kebebasan tidak melampaui batas. Tingkatkan kegiatan sukan supaya terpelihara dari kegiatan yang tidak sihat.

9. Satu lagi cabaran yang terbesar bagi rakyat Malaysia ialah mewujudkan perpaduan kaum dan membentuk satu bangsa yang berdaulat. Dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Rukunegara merupakan beberapa dasar pokok yang bertujuan membentuk satu bangsa, tanpa menghapuskan identiti dan kebudayaan kaum-kaum yang berada di Malaysia. Tugas ini amatlah berat tetapi matlamat ini bukanlah perkara yang mustahil jika ada minat dan usaha.

10. Belia dari semua kaum harus mengadakan lebih banyak kegiatan yang membawa kepada aktiviti bersama. Ini perlu kerana kebanyakan dari persatuan belia dikhaskan untuk kaum-kaum yang khusus. Pertandingan antara persatuan-persatuan belia dari berbagai kaum perlu diadakan dengan semangat kesukanan dan persaudaraan. Yang penting bukan kemenangan tetapi peluang untuk bercampur-gaul dan beramah mesra.

11. Untuk menentukan usaha ini mencapai matlamatnya, persatuan belia perlu diberi kursus berkenaan dengan adat-resam dan sensitiviti kaum masing-masing. Belia mestilah melatih diri supaya sensitif kepada pantang-larang masing-masing. Janganlah sengaja mencari amalan yang boleh memisahkan belia dari berbagai kaum.

12. Pada hemat saya, sempena dengan Tahun Antarabangsa

Belia pada tahun hadapan, satu program yang berkesan untuk belia hendaklah diwujudkan, terutamanya bagi meningkatkan lagi minat kaum belia menyertai pertubuhan-pertubuhan belia. Saya difahamkan bahawa sehingga kini, hanya lebih kurang 1.3 juta belia yang menjadi ahli dalam berbagai pertubuhan belia yang berdaftar di negara ini. Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seharusnya berusaha dengan lebih giat lagi supaya dapat menarik para belia menyertai pertubuhan-pertubuhan belia. Penyertaan belia dalam organisasi belia dan pertubuhan sukarela yang lain, hendaklah disemai di kalangan belia kita sejak di peringkat persekolahan lagi. Pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan, termasuk pusat pengajian tinggi, hendaklah digalakkan menyertai atau memimpin sesuatu organisasi di peringkat masing-masing.

13. Menyentuh tentang belia umumnya, saya merasakan amat perlu bagi Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi perhatian kepada para belia di bandar. Mereka ini memerlukan bimbingan dan penyesuaian dengan nilai hidup di bandar. Pembangunan bandar tidak akan mencapai matlamat sebenarnya sekiranya gejala-gejala masyarakat di bandar tidak dibendung ke arah kehidupan yang baik, sesuai dengan kebudayaan di negara ini.

14. Sepertimana kita semua maklum, negara sedang berusaha untuk menjadikan bandar-bandar kita lebih selesa sebagai tempat tinggal untuk lebih ramai rakyat dalam negara ini. Semakin maju negara, semakin besarlah bandar dan semakin ramai penduduknya. Tetapi jika keadaan di bandar hodoh dan kotor, penambahan penduduk bukan sahaja akan menambahkan masalah tetapi akan memburukkan lagi keadaan di bandar. Sebenarnya tidak ada bandar yang boleh bersih dan cantik semata-mata kerana adanya kakitangan dan pekerja yang ditugaskan. Kebersihan bandar bergantung kepada tabiat penduduknya. Jika kebersihan menjadi sebahagian dari tabiat penduduk, maka bersihlah bandar. Oleh itu, adalah penting kita mendidik muda-mudi kita supaya menghargai kebersihan dan mempunyai "civic pride" terhadap bandar-bandar di mana mereka tinggal. Persatuan belia hendaklah memainkan peranan yang aktif dalam memupuk nilai-nilai yang baik ini supaya bukan sahaja kita akan hidup sempurna tetapi tidak akan berasa malu dengan keadaan negara kita. Sementara menunggu nilai yang baik diserapkan, kumpulan-kumpulan belia hendaklah memainkan peranan dalam kempen-kempen kebersihan. Mereka tidak perlu menunggu sehingga kempen diadakan, tetapi hendaklah mengadakan kempen mereka sendiri sepanjang masa.

15. Saya mengalu-alu dan mengucapkan syabas kepada Majlis Belia Malaysia dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan kerana telah mengambil tindakan yang konkrit menganjurkan program 'Kempen Gerak Belia' di seluruh negara. Saya percaya ini bukanlah semata-mata sebagai satu program Tahun Belia Antarabangsa, tetapi sebaliknya 'Kempen Gerak Belia' ini adalah program jangka-panjang yang teratur dan sistematik yang akan memberi kesan. Semua agensi Kerajaan serta pertubuhan belia di semua peringkat di seluruh negara

diharapkan dapat turut sama membantu dan bekerjasama dalam menjayakan 'Kempen Gerak Belia' di peringkat masing-masing.

16. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Hari Belia Negara tahun ini, dan sempena upacara ini saya juga merasmikan pelancaran Kempen Gerak Belia Negara.
Terima kasih.